

**DIASPORA WARIS KETURUNAN KERABAT PENGIRAN
TEMANGGONG ABDUL MOMIN AMIRUL FAZA@RAJA TUA DI
NEGERI SABAH**

*The Diaspora of Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul
Faza@Raja Tua Descendant on Sabah*

**Fatmah Sidek¹
Fazli Abdul Hamid²**

^{1&2}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
*Corresponding author: fhamid@ums.edu.my

*Dihantar: 8 Mei 2025 / Penambahbaikan: 3 Ogos 2025
Diterima: 1 November 2025 / Terbit: 31 Disember 2025*

Abstrak

Kajian ini adalah tentang seorang tokoh Kesultanan Brunei pada akhir abad ke-18 iaitu Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Faza yang di akhir hayatnya telah bermastautin di pantai barat utara Borneo. Negeri Sabah merupakan sebahagian daripada empayar Kesultanan Brunei sepanjang abad ke-18 dan ke-19. Tokoh Kesultanan Brunei yang merupakan seorang Wazir ini dikenali juga dengan gelaran Raja Tua. Raja Tua telah dititahkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddin I ke pantai barat utara Borneo pada akhir abad ke-18 untuk mempertahankan wilayah Brunei daripada ancaman musuh dan lanun. Sepanjang menjunjung titah Sultan Brunei di pantai barat utara Borneo, Raja Tua telah mendirikan rumahtangga dengan wanita tempatan. Hasil perkahwinan Raja Tua dengan wanita tempatan, Raja Tua telah dikurniakan beberapa orang putera dan puteri. Sehingga kini, putera dan puteri Raja Tua melahirkan ramai keturunan beliau di Negeri Sabah. Persoalannya, dimanakah kedudukan keturunan Raja Tua di Negeri Sabah? Siapakah mereka dan bagaimana mereka terkait sebagai keturunan Raja Tua di Sabah. Kajian ini mendapati bahawa suatu fakta yang amat menarik mengenai keturunan kerabat Raja Tua di Negeri Sabah adalah sehingga kini, mereka masih menyimpan salasilah keturunan mereka walaupun Negeri Sabah telah menjadi sebahagian daripada wilayah Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif ini adalah menggunakan kaedah rujukan kepustakaan terutamanya di Pusat Sejarah Brunei, Arkib dan

perpustakaan. Selain itu, kaedah temubual dan pemerhatian digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data tentang keturunan Raja Tua di Negeri Sabah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa waris keturunan Raja Tua berada di beberapa pelusuk negeri Sabah dan mereka sehingga kini masih menyimpan salasilah mereka. Kajian ini penting untuk meningkatkan pengetahuan sejarah tentang latar belakang masyarakat pelbagai kaum di Negeri Sabah terutamanya masyarakat Melayu Brunei. Sejarah tokoh Brunei ini penting dalam meningkatkan jati diri kaum Brunei dan mengekalkan warisan budaya Brunei di Sabah.

Kata Kunci : Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Faza@Raja Tua, Kerabat Diraja Brunei, Negeri Sabah, Salasilah, Kesultanan Brunei

Abstract

This study is about a figure of the Brunei Sultanate at the end of the 18th century, Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Faza, who at the end of his life resided on the west coast of Sabah. The state of Sabah was a part of the Brunei Sultanate empire throughout the 18th and 19th centuries. This figure of the Brunei Sultanate who was a Wazir was also known in Sabah by the title of Raja Tua. Raja Tua was ordered by Sultan Omar Ali Saifuddin I to the west coast of Sabah in the late 18th century to defend Brunei territory from threats of enemies and pirates. While upholding the Sultan of Brunei's order on the west coast of Sabah, Raja Tua had married a local woman. As a result of Raja Tua's marriage to a local woman, Raja Tua was blessed with several sons and daughters. Until now, the sons and daughters of Raja Tua's have given birth to many of his descendants in Sabah. The question is, what is the position of Raja Tua's descendants in the State of Sabah? Who and how are they related as descendants of Raja Tua in Sabah. This study found that a very interesting fact about the descendants of the Raja Tua family in Sabah is that until now, they still keep their genealogy even though the State of Sabah has become part of Malaysia. This qualitative study uses the method of library reference, especially at the Brunei History Center, Archives and libraries. In addition, interview and observation methods are also used to obtain information and data about the descendants of Raja Tua in Sabah. The findings of the study show that the descendants of Raja Tua are in several corners of Sabah and they still preserve their lineage to this day. This study is important to increase historical knowledge about the background of various ethnic communities in Sabah, especially the Brunei Malay community. The history of these

*Diaspora Waris Keturunan Kerabat Pengiran Temenggong
Abdul Momin Amirul Faza@Raja Tua di Negeri Sabah
Brunei figures is important in enhancing the identity of the Brunei people
and maintaining the cultural heritage of Brunei in Sabah.*

Keywords: : *Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Faza@Raja Tua, Brunei Royal Family, Sabah, Genealogy, Brunei Sultanate*

Pengenalan

Wilayah di utara Borneo merupakan sebahagian jajahan Kesultanan Brunei tradisional sebelum terbentuknya kerajaan Borneo Utara pada tahun 1881. Dalam lipatan sejarah Kesultanan Brunei, seorang pembesar Brunei telah dititahkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddin I (1740-1795) ke pantai barat utara Borneo untuk menumpaskan kegiatan lanun dan musuh kerajaan Brunei. Menurut Mohd Jamil Al-Sufri (1999), Pengiran Abdul Momin ibni Pengiran Bendahara Ampuan Anak Untong ibni Sultan Jalilul Jabbar adalah seorang Wazir bergelar Pengiran Temenggong Sahibul Bahar. Keberangkatan beliau ke utara Borneo adalah pada sekitar akhir abad ke-18. Pada masa tersebut, berlaku suasana yang tidak tenteram dan wilayah jajahan Brunei di pantai barat Sabah terancam oleh musuh Brunei. Pengiran Temenggong Abdul Momin telah berjaya menumpaskan musuh dan keadaan kembali aman. Beliau telah bertemu jodoh dengan wanita peribumi dan keturunan beliau masih menyimpan pelbagai kisah tentang beliau di Negeri Sabah (Awang Mohd Jamil Al-Sufri, 1999). Kajian awal mengenai Pengiran Temenggong Abdul Momin telah ditulis oleh sarjana Brunei iaitu Mohd Jamil A-Sufri (1999) dan beberapa orang sarjana di Sabah (Fatmah Binti Sidek, 2017). Artikel ini akan membincangkan tentang sejarah Pengiran Temenggong Abdul Momin atau Pengiran Temenggong Abdul Momin sejak kedatangannya di utara Sabah dan kini, beliau meninggalkan waris keturunan yang agak ramai di Sabah.

Latar Belakang Kajian

Dalam karya Mohd Jamil Al-Sufri (1999, 2023) menyatakan Batu tarsilah yang terletak di Makam Diraja, KM 1 1/2, Jalan tutong, Bandar Seri Begawan, tercatat serangkaian nama 'Sultan Abdul Jalilul Jabbar beranakkan Pengiran Bendahara Untong beranakkan Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Faza'. Pengiran Temenggong Abdul Momin dikenali di utara Borneo sebagai Raja Tua. Beliau seorang

pemuda yang tampan, pintar dan gagah perkasa. Dalam karya Awang Mohd Jamil Al-Sufri (1999) menyatakan bahawa semasa pemerintahan Kesultanan Brunei, rakyat Brunei di kawasan pesisiran pantai barat, terutamanya kawasan dari Sungai Menggatal sehingga ke Teluk Marudu sering menghadapi ancaman daripada lanun Bengingi (Balangingi) dan Kesultanan Sulu. Diceritakan, apabila kawasan Sungai Menggatal dan Sungai Mengkabong sehingga ke Sungai Tempasuk di daerah Kota Belud berada dalam keadaan ancaman berbahaya, Sultan Omar Ali Saifuddin I, Sultan Brunei ke-18 (1740-1795) telah mengutuskan salah seorang Wazir yang bernama Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Abdul Momin ibni Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Anak Untong Ibni Sultan Abdul Jalilul Jabbar ke lokasi berkenaan. Beliau diberikan tugas untuk mewujudkan keamanan dan keselamatan kepada rakyat Brunei.

Dalam sistem pemerintahan Kesultanan Brunei, Pengiran Temenggong memainkan peranan yang amat penting dalam menjaga keselamatan dan pertahanan negara. Tanggungjawab Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Abdul Momin adalah memastikan seluruh empayar Brunei berada dalam keadaan yang aman tenteram dan kekal dalam kedaulatan Kesultanan Brunei. Seperti ayahandanya, Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Anak Untong, Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Abdul Momin juga adalah seorang pemuda yang segak, pintar, kuat dan gagah perkasa. Oleh kerana jasanya mendaulatkan bangsa dan tanah air, beliau telah dikurniakan gelaran dan diarak sebagai Pengiran Temenggong Sahibul Bahar.

Sepanjang memikul tugasnya sebagai Pengiran Temenggong Sahibul Bahar, beliau termasyhur kerana selalu beroleh kejayaan dan kemenangan. Keberanian dan kebijaksanaan beliau menjunjung titah Sultan Brunei melaksanakan tugas menyebabkan beliau dianugerahkan gelaran Amirul Faza, yang bermaksud putera Raja Brunei yang selalu menang. Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Abdul Momin telah melaksanakan perintah Sultan Brunei dan di akhir hayat, beliau menetap di kawasan pantai barat utara Borneo. Hasil penyelidikan oleh Pusat Sejarah Brunei merumuskan bahawa Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Abdul Momin telah dimakamkan di sebuah pulau dikenali sebagai Pulau Sinurop, yang terletak di Mengkabong, Tuaran. Di samping itu, beliau dikenangkan dalam tradisi lisan penduduk tempatan dengan gelaran sebagai Raja Tua kerana terlalu lama memegang jawatan Pengiran Temenggong Sahibul Bahar (Awang Mohd Jamil Al-Sufri, 1999). Menurut P. L. Sweeney (1968), Pengiran Temenggong Pengiran

Abdul Momin dikenali juga dengan gelaran Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Ghaffar.

Semasa menjalankan titah Sultan Brunei dan berangkat ke pantai barat utara Borneo, Pengiran Temenggong Abdul Momin telah pun mempunyai isteri di Brunei. Beliau mempunyai ramai anak yang terkenal iaitu Pengiran Bendahara Aliuddin, Pengiran Temenggong Pengiran Abdul Rajid, Pengiran Maharaja Dinda dan lain-lain (P. L. Sweeney, 1968). Salah seorang anak perempuan beliau bernama Pengiran Isteri Gandi telah berkahwin dengan Pengiran Temenggong Dakula Pengiran Abdul Rauf ibni Sultan Abdul Hakul Mubin. Walau bagaimanapun, artikel ini akan memberi fokus kepada waris keturunan Pengiran Temenggong Abdul Momin dengan isteri beliau di Sabah.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan merujuk kepada pelbagai sumber primer dan sekunder. Rujukan kepustakaan telah dijalankan di Pusat Sejarah Brunei, Negara Brunei Darussalam dan beberapa perpustakaan seperti Perpustakaan Negeri Sabah dan Perpustakaan Penyelidikan Tun Mohd Fuad Stephen di Bangunan Yayasan Sabah, Kota Kinabalu. Selain itu, kajian di lapangan telah dijalankan sejak tahun 2017. Manakala, kaedah temu bual dan pemerhatian juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang waris keturunan Pengiran Temenggong Abdul Momin atau Raja Tua di beberapa tempat di Sabah seperti di Papar, Kota Kinabalu, Menggatal, Mengkabong, Tuaran, Kudat, Kota Marudu, Pitas, dan Sandakan. Informen yang ditemubual adalah dalam kalangan waris keturunan Pengiran Abdul Momin di lokasi yang disebutkan. Persoalannya, siapakah mereka dan mengapakah keturunan kerabat berada di banyak lokasi di Negeri Sabah? Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan tentang keberadaan waris Pengiran Temenggong Abdul Momin di seluruh Sabah. Kajian juga bertujuan mendapatkan maklumat sejarah keberadaan waris beliau di beberapa lokasi yang berbeza. Kajian salasilah di Pusat Sejarah Brunei dan yang simpan oleh waris kerabat Pengiran Abdul Momin atau Raja Tua amat membantu menjelaskan keberadaan waris Raja Tua di lokasi yang berbeza.

Diaspora bermaksud 'penyebaran ke merata-rata tempat, seperti orang yang asalnya tergolong dalam budaya yang sama, atau warga di sesebuah negara yang sama (Kamus Dewan Bahasa, 2004). Dalam konteks kajian awal ini, kajian tentang lokasi waris kerabat Pengiran

Temenggong Abdul Momin amat sesuai dengan maksud diaspora waris keturunan Pengiran Temenggong Abdul Momin di Negeri Sabah. Kajian ini penting terutamanya dalam kalangan waris keturunan beliau kerana Pengiran Abdul Momin bagaikan sebuah lagenda dalam sejarah lisan waris keturunannya di Sabah, masyarakat Brunei amnya. Sebagai seorang tokoh pahlawan Brunei, beliau juga telah melahirkan waris keturunan yang mempunyai ketokohan dalam pentadbiran kerajaan di Negeri Sabah seperti Yang Amat Berhormat, Ketua Menteri Sabah iaitu Datuk Seri Panglima Haji Hajiji (Salasilah YAB DSP Haji Hajiji Haji Noor, 2023). Malahan, terdapat ramai lagi tokoh dan pemimpin dalam kalangan waris Pengiran Temenggong Abdul Momin turut mencipta sejarah di Negeri Sabah.

Dapatan Kajian

Semasa menjunjung titah Ke bawah Duli Tuanku Sultan Brunei di utara Borneo, Pengiran Abdul Momin atau Raja Tua telah bertemu jodoh dengan wanita peribumi daripada kaum Bajausamah dan Dusun Lotud. Menurut salasilah Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Faza di Pusat Sejarah Brunei, dengan isteri di Sabah, Pengiran Abdul Momin telah mendapat ramai anak lelaki dan perempuan. Tegasnya, kisah mengenai Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Abdul Momin amat terkenal di pantai barat wilayah Sabah, terutamanya di Kota Kinabalu, Tuaran, Menggatal, dan Kudat. Menurut hasil kajian awal Pusat Sejarah Brunei menyatakan bahawa Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Abdul Momin mempunyai tiga orang putera, iaitu Datu Ilang, Datu Temenggong, dan Datu Tugo (Awang Mohd Jamil Al-Sufri, 1999).

Walau bagaimanapun, terdapat perubahan terkini dalam hasil kajian Pusat Sejarah Brunei yang menunjukkan Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Abdul Momin mempunyai lebih daripada tiga orang putera. Menurut salasilah yang tersimpan di Pusat Sejarah Brunei, Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Abdul Momin mempunyai tujuh orang putera hasil daripada perkahwinan beliau dengan Puteri Bajau Samah dari wilayah Sabah (Datu Bandira Bin Datu Alang, 1992). Kawasan di pantai barat, terutamanya di Tuaran, Menggatal dan Kota Kinabalu adalah terkenal dengan kisah keturunan tujuh orang putera Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Abdul Momin. Nama tujuh orang putera beliau ialah Pengiran Faat atau Embo' Faat, Pengiran Dato Bendahara Din, Pengiran Dato Temenggong atau Embo' Aung, Pengiran Dato Ilang, Pengiran Tugu atau Embo' Anting, Pengiran Ambun dan

Pengiran Embo' Tuboh (Salasilah Pengiran Temenggong Abdul Momin, 2023). Sebahagian besar kawasan Tuaran pada zaman pemerintahan Kesultanan Brunei tradisional merupakan sebuah negeri atau Sungai Tulin dengan nama Mengkabong. Pada zaman itu, semua putera Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Abdul Momin mempunyai status tinggi dalam kalangan masyarakat Brunei dan Bajau Samah di pesisir pantai barat utara Borneo. Mereka menggunakan gelaran Dato Bendahara, Dato Temenggong, Dato Shahbandar, Dato Laksamana, Dato Pemanca dan Dato Maharajalela.

Menurut sumber lisan, Berungis dan Mengkabong di Tuaran merupakan pusat pentadbiran anak lelaki Raja Tua yang bergelar Pengiran Dato Bendahara Din. Pengiran Dato Bendahara Din mempunyai tiga anak lelaki bernama Pengiran Dato Jilang, Pengiran Dato Binting, Pengiran Dato Badin dan seorang puteri bernama Pengiran Dang Bengis. Kajian ini mendapati bahawa, waris keturunan Pengiran Dato Jilang ramai menetap di Berungis, Mengkabong dan Tuaran (Pengiran Lo@Waden, 2025). Selain itu, Pengiran Dato Jilang juga mempunyai waris keturunan di Kampung Indrason, Kudat kerana beliau telah berkahwin dengan Puteri Irannun iaitu anak perempuan kepada Sultan Samarantau (jalur Kesultanan Irannun Magindanao). Menurut sumber lagi, waris keturunan Pengiran Dato Jilang yang berada di Kampung Indrason Laut, Kudat menggunakan gelaran Datu bagi anak lelaki dan Dayang bagi anak Perempuan. Mereka juga menyimpan salasilah keturunan Pengiran Dato Jilang yang mempunyai ramai waris keturunan di Kampung Indrason, Kudat (Datu Abdul Lali Datu Abah, 2025). Di Sikuati, Kudat juga terdapat waris keturunan Raja Tua yang berasal dari Mengkabong, Tuaran.

Menurut Tuan Haji Mahali bin Karim, keluarga mereka ramai yang telah berhijrah ke Sikuati, Kudat dan menetap di sana sehingga kini (Tuan Haji Mahali Hj Karim, 2025). Selain itu, Pengiran Dato Binting juga mempunyai waris keturunan di Berungis, Mengkabong dan Tuaran. Seorang waris lelaki Pengiran Dato Binting berusia 87 tahun banyak mengetahui kisah keturunannya yang pernah menjadi pentadbir di Berungis (Pengiran Lo@Waden, 2025). Selain itu, seorang lagi waris Pengiran Dato Bendahara Din, digelar Orang Kaya-Kaya (OKK) Badin merupakan seorang Ketua Anak Negeri yang terkenal di Tuaran semasa pemerintahan koloni British. Kepimpinan OKK Badin diabadikan melalui sebuah nama sekolah menengah kebangsaan di daerah Tuaran iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Badin (Salasilah Pengiran Temenggong Abdul Momin, 2023). Yusry Sulaiman, Mosli Tarsat, Rizal Zamani dan

Mohd Firdaus (2023) menyatakan jurai keturunan Raja Tua yang bernama Embo Tugu (Anting) atau Pengiran Awang Damit juga berada di Mengkabong.

Menurut Sahar Haji Piasin, terdapat ramai waris kerabat Raja Tua di Kampung Sembulan, Kota Kinabalu. Ayah beliau, Haji Piasin bin Jubal, adalah penduduk asal Mengkabong yang berpindah ke Kampung Sembulan pada awal abad ke-20 (Encik Sahar Haji Piasin, 2025). Di daerah Kota Marudu dan Pitas juga terdapat waris kerabat Raja Tua yang berhijrah dari Kudat ke lokasi berkenaan. Mereka telah berkahwin dan menetap di sana serta mempunyai ramai keturunan. Tuan Haji Juki bin Imam Nanoh merupakan waris kerabat Raja Tua yang berada di daerah Pitas. Usaha menjejak keturunan Raja Tua di Pitas telah dilakukan oleh waris keturunan Raja Tua dari Kudat (Encik Mahamuddin Haji Mohd Onon, 2025).

Salah seorang putera kepada Pengiran Temenggung Sahibul Bahar Abdul Momin yang terkenal di pantai barat wilayah Sabah ialah Pengiran Dato Temenggung, yang lebih dikenali juga sebagai Embo' Aung. Gelaran Embo' amat sinonim dengan gelaran hormat kepada orang-orang tua dalam kalangan masyarakat Bajau Samah yang telah berasimilasi dengan kaum Brunei. Gelaran ini merupakan tradisi turun temurun dan adab tatasusila dalam kalangan masyarakat Brunei-Bajau Samah iaitu menyebut nama orang tua dengan cara bersopan santun. Menurut tradisi, adalah tidak manis dan boleh menyebabkan tulah ke atas keturunan mereka sekiranya menyebut atau memanggil nama sebenar nenek moyang mereka. Menurut Salasilah Pengiran Temenggung Sahibul Bahar Abdul Momin (2023), menyatakan bahawa Pengiran Dato Temenggung atau Embo' Aung mempunyai dua orang putera, iaitu Pengiran Dato Shah dan Pengiran Abdul Karim. Tradisi lisan menyatakan bahawa Pengiran Dato Temenggung atau Embo' Aung mewarisi ciri kepimpinan dan sifat keberanian, kepintaran serta kegagahan ayahandanya dalam melindungi penduduk dan mengawasi keamanan. Salah seorang putera kepada Pengiran Dato Temenggung atau Embo' Aung, iaitu Pengiran Haji Abdul Karim merupakan moyang kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji (Salasilah YAB DSP Haji Hajiji Haji Noor, 2023).

Di utara Borneo, terutamanya di daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas, waris keturunan Raja Tua telah berhijrah ke daerah berkenaan sejak abad ke-19 dan awal abad ke-20. Waris keturunan Pengiran Dato Bendahara Din iaitu Pengiran Dang Bengis telah berkahwin dengan pak

ciknya, Pengiran Dato Ilang ibni Pengiran Temenggong Abdul Momin. Perkahwinan ini telah melahirkan enam orang anak perempuan dan seorang lelaki. Menurut salasilah di Brunei dan waris kerabat, anak-anak Pengiran Dato Ilang dengan Pengiran Dang Bengis ialah Pengiran Dang Laisah, Pengiran Dang Gelangan, Pengiran Dang Biyangan, Pengiran Dang Dayangan, Pengiran Dang Rusiah, Pengiran Dang Diyangan dan seorang anak lelaki bernama Pengiran Wok. Ramai waris keturunan Pengiran Rusiah dan Pengiran Wok menetap di Tuaran seperti di Berungis, Mengkabong dan Tambalang. Seramai lima orang puteri Pengiran Dato Ilang telah berhijrah ke Kudat dan Sandakan iaitu Pengiran Dang Laisah, Pengiran Dang Gelangan, Pengiran Dang Biyangan, Pengiran Dang Dayangan dan Pengiran Dang Diyangan. Menurut waris, kedatangan anak-anak perempuan Pengiran Dato Ilang dari Berungis, Tuaran ke Kudat adalah bersama pakcik-pakcik mereka iaitu Pengiran Dato Binting dan Pengiran Dato Jilang. Bersama suaminya Pengiran Balu atau Datu Balu, Pengiran Dang Laisah telah berhijrah ke Kudat. Selain itu dua orang adindanya, Pengiran Dang Gelangan yang berkahwin dengan Orang Tua (O.T.) Ibrahim dan Pengiran Dang Biyangan berkahwin dengan Pengiran Budok atau Datu Budok juga turut berhijrah ke Kudat pada sekitar akhir tahun 1890an atau awal 1900an. Pengiran Balu dan Pengiran Budok ini bekerja sebagai mandur di *log pond* kepunyaan orang Jerman (Tuan Haji Bakri Bin Haji Salehin, 2025). Pada masa itu, *log pond* atau kawasan pengumpulan kayu balak terletak di kawasan Kampung Ayer Kudat.

Sebelum Kampung Ayer Kudat dibuka, kawasan tersebut merupakan *log pond* dan pekerja *log pond* membina rumah di pesisir *log pond* (Datu Bandira Bin Datu Alang, 1992). Hasil perkahwinan antara O.T. Ibrahim dengan Pengiran Dang Gelangan telah melahirkan ramai zuriat yang membentuk sebahagian besar masyarakat Brunei di Kampung Ayer pada hari ini. O.T. Ibrahim telah meninggal dunia di Kudat dan dimakamkan di tanah perkuburan Bukit Besar, Kudat. Manakala, Pengiran Dang Gelangan di akhir hayatnya telah pulang ke kampung halamannya di Mengkabong dan meninggal dunia di sana. Menurut keturunannya, Pengiran Dang Gelangan telah dikebumikan di Mengkabong (Hajah Mariani Binti Haji Mohd Onon, 2024). Penghijrahan penduduk Mengkabong, ke Kampung Ayer Kudat dibuktikan dengan kewujudan 'Batu Mengkabong' atau 'Takat Mengkabong' yang terdapat di kawasan perairan Kampung Ayer, Kudat. Batu Mengkabong yang terletak di Kampung Ayer, Kudat berasal daripada peristiwa perahu yang dinaiki oleh waris keturunan Raja Tua terlanggar dan terkandas di batu karang berkenaan sehingga berlaku kerosakan pada perahu mereka.

Batu Mengkabong tidak kelihatan di permukaan air ketika air pasang dan hanya kelihatan semasa air laut surut (OKK Tuan Haji Abdul Kadir Bin Datuk Haji Abdul Ghani, 2019).

Seterusnya, waris kerabat Pengiran Temanggung Abdul Momin yang berada di Kudat telah berhijrah ke Sandakan mengikut suami masing-masing. Selepas Kudat, Sandakan merupakan ibu negeri Borneo Utara yang ditadbir oleh SBUB. Pengiran Dang Biyangan telah berpindah ke Sandakan mengikut suami dan menurunkan waris keturunannya di Sandakan (Tuan Haji Bakri Bin Haji Salehin). Manakala, Pengiran Dang Dayangan bersama suami dan dua orang anak iaitu Haji Ismail dan Siti Aisah telah berpindah ke Sandakan pada awal abad ke-20. Kini, dua orang cicit Pengiran Abdul Momin iaitu Pengiran Dang Biyangan dan Pengiran Dang Dayangan mempunyai ramai waris keturunan di Sandakan, bahkan ada di antara waris telah berpindah ke Kota Kinabalu (Datuk haji Sidek bin Danta, 2022). Di Kampung Ayer Kudat, tokoh-tokoh pemimpin waris Raja Tua adalah individu yang dikenali penduduk di Kudat kerana ramai tokoh tersebut dikurniakan pingat Darjah Kebesaran Negeri Sabah disebabkan oleh jasa khidmat mereka semasa pemerintahan kuasa British di Kudat seperti O.T Ibrahim Arshad yang telah berkahwin dengan Pengiran Dang Gelangan (Pengiran Ibrahim bin Pengiran Arshad Durman@Duman), dan anaknya Datuk OKK Haji Abdul Ghani bin O.T. Ibrahim. Mantan Ketua Anak Negeri daerah Kudat iaitu OKK Haji Abdul Kadir bin Datuk OKK Haji Abdul Ghani juga merupakan waris kerabat Raja Tua.


Manakala, Datuk Haji Sidek bin Danta merupakan waris keturunan Raja Tua yang pernah berkhidmat sebagai askar gerila melawan Kuasa Jepun semasa Perang Dunia Ke-2. Bonda kepada Datuk Haji Sidek ialah Pengiran Dang Diyangan binti Pengiran Dato Ilang yang berkahwin dengan Pengiran Danta. Sebagai mengenang jasa beliau, sebuah dataran di bandar Kudat iaitu Esplanade Kudat telah dinamakan sebagai Esplanade Sidek bagi memperingati jasa bakti beliau. Datuk Haji Sidek juga merupakan salah seorang pengasas Parti United Sabah National Organisation (USNO) yang ditubuhkan di Kudat pada tahun 1962 bersama Bapa Kemerdekaan Sabah, Tun Datu Mustapha bin Datu Harun. Datuk Haji Sidek bersama beberapa orang tokoh kemerdekaan Sabah di Kampung Ayer Kudat seperti Datuk OKK Haji Ghani, Tuan Haji Salleh bin O.T Ibrahim dan Tuan Haji Thani bin O.T Ibrahim merupakan individu yang bergiat aktif dalam memperjuangkan kemerdekaan Negeri Sabah di daerah Kudat (Datuk Haji Jamdin Buyong, 2022).

Sepanjang hayat Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Abdul Momin di pantai barat utara Borneo, beliau berjaya membanteras perompak dan pengacau, sehingga kawasan pesisir pantai barat menjadi aman dan tenteram. Penduduknya dapat hidup dalam keadaan selamat dan harmoni. Raja Tua menetap di pantai barat utara Borneo sehingga ke akhir hayatnya. Menurut cerita lisan, beliau mempunyai beberapa orang isteri daripada kalangan penduduk tempatan. Waris keturunan Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Abdul Momin ada menyebut bahawa beliau bersama kesemua puteranya yang gagah perkasa membantu menjaga keamanan wilayah Kesultanan Brunei tradisional. Jurai keturunan beliau merupakan sebuah keluarga besar yang terdapat di sepanjang pesisir pantai barat, terutamanya yang menganjur dari daerah Papar, Kinarut, Putatan, Sembulan, Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Inanam, Menggatal, Tuaran, Kota Belud, Kota Marudu, Pitas dan Kudat. Kisah beliau menjadi sebuah legenda kepahlawanan dan kepimpinan yang bukan saja dapat menyatukan kaum Brunei, malahan pelbagai suku kaum peribumi di wilayah Sabah, seperti Bajau Samah, Kadazan-Dusun, Iranun dan lain-lain. Perkahwinan campur telah menyebabkan berlaku asimilasi antara kaum dalam kalangan waris keturunan Raja Tua dengan penduduk peribumi di wilayah Sabah. Oleh itu, tidak hairanlah jika ketokohan dan kepimpinan Raja Tua dan putera-puteranya diwarisi oleh keturunannya di Sabah pada hari ini.

Perbincangan

Kajian awal ini mendapati bahawa waris keturunan Pengiran Temenggong Abdul Momin ramai yang telah berhijrah ke merata-rata tempat di seluruh Sabah seawal abad ke-19. Dalam usaha menjejak waris keturunan Raja Tua, kajian awal ini dimulakan kira-kira pada tahun 2017. Namun, maklumat bertulis tentang ketokohan Raja Tua atau Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Faza amat kurang. Tulisan Sweeney (1968) ada menyentuh sedikit tentang Pengiran Temenggong Abdul Momin. Kajian ini banyak merujuk kepada sarjana Brunei terutamanya Awang Mohd Jamil Al-Sufri (1999) yang telah menulis tentang latar belakang Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Faza. Selain itu, sebuah prosiding Seminar Kajian Manuskrip Borneo ditulis oleh Fatmah (2017), bertajuk Sejarah Lisan Raja Tua Mengkabong di Borneo Utara, telah menjadi rujukan dalam kajian ini. Sebuah peta tentang diaspora atau pergerakan waris kerabat Raja Tua dihasilkan dalam kajian ini bagi tujuan untuk menunjukkan taburan lokasi kedudukan waris keturunan Raja Tua di Negeri Sabah. Peta 1

menunjukkan taburan waris keturunan Raja Tua sebagai ilustrasi keberadaan mereka di Negeri Sabah. Usaha menjejak waris kerabat Raja Tua juga telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat waris keturunan Raja Tua dan cerita-cerita tentang ketokohan Raja Tua serta waris keturunan beliau.



Petunjuk:

- . — . — . ➡ Perjalanan Raja Tua dari Brunei Darussalam
— . — . — . ➡ Migrasi/Mobiliti waris keturunan Raja Tua

**Peta 1: Diaspora Waris Keturunan Pengiran Temenggong
Abdul Mumin Amirul Faza@Raja Tua di Sabah, 1780an
sehingga 2025**

Sumber: Awang Mohd Jamil Al-Sufri, 1999; Fatmah Binti Sidek, 2017.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mendapatkan beberapa maklumat yang amat berguna dalam penulisan sejarah tentang seorang tokoh kaum Brunei yang merupakan salah satu kaum peribumi di negeri Sabah. Dalam usaha mendapatkan lebih banyak maklumat tentang

tokoh ini, kajian diadakan terutamanya di lapangan dengan berjumpa secara langsung kepada waris keturunannya yang terdapat di beberapa lokasi yang telah dikenal pasti. Usaha murni ini diharap dapat menyumbang penulisan sejarah tempatan terutamanya dalam kajian melibatkan tokoh kaum Brunei. Sungguhpun, kisah kepahlawanan Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Faza berlaku pada zaman pemerintahan Kesultanan Brunei tradisional, namun ketokohan beliau yang diwarisi oleh waris keturunannya merentasi zaman dan dibuktikan oleh waris keturunan beliau pada masa kini. Ciri-ciri kepimpinan, sifat keberanian, dan kecekalan yang ditonjolkan oleh Pengiran Temenggong Abdul Momin merupakan suatu contoh teladan bukan saja kepada waris keturunannya, malahan kepada masyarakat Brunei amnya. Oleh itu, kajian ini bukan sekadar penulisan fakta sejarah tetapi juga mempunyai mesej yang jelas dalam membentuk jati diri dan nilai-nilai murni generasi baru dengan mengambil contoh teladan daripada ketokohan Raja Tua di Sabah. Cadangan mengadakan suatu seminar menjejak sejarah Raja Tua atau Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Faza adalah wajar bagi mendapatkan lebih banyak data dan maklumat tentang beliau.

Senarai Rujukan

Laporan Kerajaan

- Jawatankuasa Induk Perayaan Bulan Kemerdekaan Peringkat Negeri Sabah Tahun 2002. (2002). Perayaan Bulan kemerdekaan Peringkat Negeri Sabah.
- Unit Salasilah, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi. (1997). *Salasilah Pengiran Temenggong Abdul Rauf Ibnu Pengiran Anak Abdul Rahman*. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Unit Salasilah, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi. (2023). *Salasilah YAB Ketua Menteri Sabah, Datuk seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Unit Salasilah, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi. (2023). *Salasilah Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Faza*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

Buku dan Jurnal

- Awang Mohd Jamil Al-Sufri., (1997). *Tarsilah Brunei II: Zaman Kegemilangan dan Kemasyuran*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Awang Mohd Jamil Al-Sufri. (1999). Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Faza. *Pusaka*, bil. 9. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Datu Bandira Bin Datu Alang. (1992). *Iranun: Sejarah dan Adat Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Keith, H. G. (1980). The United States Consul and the Yankee Raja. *Monograph of the Brunei Museum Journal*, No. 4. Bandar Seri Begawan: Muzium Brunei.
- Sweeney, P. L. (1968). Silsilah Raja-Raja Brunei. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 41 (2): 1-82.
- Yusri Sulaiman, et. al. (2023). Sejarah Raja Tua dan Mengkabong yang Terletak di Pantai Barat Borneo Utara pada Abad ke-18. *Sains Insani 2023*, Volume 08 No 1: 01-14. Universiti Sains Islam Malaysia: Pusat Pengajian teras.

Tesis

- Fatmah Binti Sidek. (2018). Sejarah Pentadbiran Pengiran Abdul Rauf Pengiran Abdul Rajit di Sungai Tulin Pantai Barat Borneo Utara, (1822-1898). *Tesis Sarjana*. Kota Kinabalu, Sabah: Universiti Malaysia Sabah.

Kertas Kerja

- Fatmah Binti Sidek. (2017). Sejarah Lisan Raja Tua Mengkabong di Borneo Utara. *Kertas kerja Seminar Kajian Manuskrip Borneo. (27-28 November 2017)*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Laman Web

- Kamus Bahasa Melayu. (t.th.) Dewan Bahasa dan Pustaka*. Diaspora. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=diaspora> Diakses pada 14 Mac 2025.

Temubual

- Pengiran Lo@Waden bin Pengiran Bakti bin Pengiran Dato Binting bin Pengiran Bendahara Din ibni Pengiran Temenggong Abdul Momin Amirul Faza. 87 tahun. Ditemubual pada 14 Februari 2025.
- Datu Abdul Lali Datu Abah. 59 tahun. Kakitangan Pejabat Daerah Kota Marudu. Ditemubual pada 10 April 2025.
- Encik Sahar Haji Piasin. 62 tahun. Ditemubual pada 21 Februari 2025.
- OKK Tuan Haji Abdul Kadir Bin Datuk Haji Abdul Ghani. Mantan Ketua Anak Negeri Kudat. Ditemubual pada 7 Februari 2019.
- Tuan Haji Bakri Bin Haji Salehin. Mantan kakitangan Pejabat Majlis Ugama Islam Daerah Kudat. Merupakan jalur keturunan Datu Budok @ Pengiran Budok. Ditemubual pada 13 April 2025.
- Puan Hajah Mariani Binti Haji Mohd Onon. Guru Besar Sekolah Kebangsaan Lotong, Kudat. Merupakan cicit kepada Pengiran Ibrahim. Ditemubual pada 1 Mac 2024.
- Encik Mahamuddin Haji Mohd Onon. 60 tahun. Merupakan waris keturunan Pengiran Dang Gelangan binti Pengiran Dato Ilang. Ditemubual pada 22 Februari 2025.